

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 19.09.2025 MASA: 11:30PG

**MUKTAMAD**



## **MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

### **TEKS UCAPAN**

**YANG BERUSAHA TUAN MOHD IBRAHIM BIN MD NOR  
SETIAUSAHA BANDARAYA  
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

### **SEMPENA**

**PROGRAM KITAR SEMULA JADI DAN KESEDARAN  
ALAM SEKITAR**

### **TARIKH / MASA / TEMPAT**

**21 SEPTEMBER 2025 (AHAD)  
10.50 PAGI**

**GELANGGANG BOLA KERANJANG, BERAPIT  
SEBERANG PERAI TENGAH**

## **Terima kasih Saudari Pengacara Majlis**

### **1. Yang Dihormati**

**En Cheen Goon Hoi**

**En Zainuddin Bin Mohamed**

**En Muhamad Suzuki Bin Ahmad**

**Datuk Mohd Noor Bin Ahmad**

Whip Majlis Bandaraya Seberang Perai

### **2. Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

### **3. Ketua-Ketua Jabatan Majlis Bandaraya Seberang Perai**

### **4. Rakan-Rakan Media**

### **5. Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati sekalian**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Pagi, Salam Sejahtera, Salam Penang2030 dan Salam Malaysia MADANI,

1. Marilah kita bersama-sama merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan kurnia-Nya, kita dapat berhimpun pada pagi yang penuh bermakna ini sempena **Program Kitar Semula Jadi dan Kesedaran Alam Sekitar.**
2. Terlebih dahulu, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Heng Lee Lee, Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Berapit yang sudi hadir melancarkan Majlis pada pagi yang penuh bermakna ini.
3. Ucapan penghargaan juga saya tujukan kepada Ahli Majlis MBSP, Encik Ng Wai Leong, atas keprihatinan dan sumbangan beliau sebanyak RM5,000.00 kepada Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga (N13 Berapit), yang menjadi pemangkin utama kejayaan penganjuran program ini. Tidak ketinggalan, ucapan setulus terima kasih kepada Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga (N13 Berapit), wakil-wakil agensi kerajaan dan swasta, MPKK Kampung Berapit serta Komuniti MADANI Kampung Baru atas kerjasama erat dalam menjayakan program ini.

4. Sesungguhnya, usaha sebegini amatlah signifikan dalam mendidik masyarakat serta menggalakkan penglibatan komuniti setempat dalam memelihara alam sekitar, selain membudayakan amalan kitar semula dalam kehidupan seharian. Program seperti ini bukan sekadar wadah pertemuan, bahkan merupakan platform pendidikan dan pemerkasaan komuniti untuk lebih bertanggungjawab terhadap kelestarian bumi.
5. Pelbagai aktiviti menarik telah dirangka sepanjang program ini, antaranya pertandingan mewarna, pertandingan kraftangan berdasarkan bahan kitar semula, bengkel kraftangan mesra alam, ceramah kesedaran alam sekitar, demonstrasi pembuatan sabun daripada minyak masak terpakai serta pameran daripada pelbagai agensi kerajaan dan swasta. Penyertaan terbuka daripada penduduk Kampung Baru dan Kampung Berapit menunjukkan wujudnya rasa kebersamaan dalam memelihara persekitaran yang lebih lestari.
6. Hadirin sekalian,  
Bagi memperkuuh lagi amalan kitar semula dalam kalangan penduduk Seberang Perai, MBSP telah memulakan perkhidmatan kutipan sisa kitar semula secara ‘door-to-door’ bermula 1 September 2025. Kaedah ini dilaksanakan di kawasan taman perumahan bukan strata dengan kerjasama syarikat kontraktor yang dilantik iaitu GRN Industries Sdn. Bhd.

7. Khusus di kawasan ADUN Berapit, sebanyak 42 taman perumahan terlibat dalam perkhidmatan ini. Untuk kemudahan penduduk, banner dengan kod QR telah digantung di seluruh Seberang Perai, yang membolehkan orang ramai mengakses maklumat penting seperti senarai taman perumahan mengikut kawasan Parlimen serta jadual kutipan sisa kitar semula yang ditetapkan. Untuk makluman, bagi kawasan Parlimen Bukit Mertajam, kutipan sisa kitar semula akan dijalankan pada setiap hari Sabtu.
8. Selain itu, MBSP akan melancarkan aplikasi web khas pada 8 Oktober 2025 bagi memudahkan permintaan kutipan sisa kitar semula secara dalam talian. Aplikasi ini diwujudkan bukan sahaja untuk meningkatkan kecekapan perkhidmatan, tetapi juga bagi mengatasi masalah penduduk yang tidak dapat mengeluarkan sisa kitar semula mengikut jadual kutipan.
9. Di samping kaedah kutipan dari pintu ke pintu, terdapat juga sebanyak 48 buah pusat kitar semula di seluruh Seberang Perai untuk kegunaan masyarakat. Penduduk di kawasan kampung pula boleh menghantar sisa-sisa kitar semula mereka terus ke pusat-pusat ini. Senarai lengkap pusat kitar semula boleh dirujuk melalui laman web LA21 MBSP.

10. Untuk komuniti atau penduduk yang berminat mendalami ilmu berkaitan kaedah kitar semula dan *upcycle*, pihak MBSP juga menyediakan khidmat taklimat khusus yang boleh dimohon secara rasmi. Langkah ini diharap dapat meningkatkan tahap pengetahuan masyarakat dalam menguruskan sisa dengan lebih sistematik dan lestari.
11. Hadirin sekalian,  
Inisiatif-inisiatif ini amat signifikan dalam mendukung agenda kelestarian bandar raya Seberang Perai. Melalui pendidikan, pendedahan serta amalan 8R; *Rethink, Refuse, Reuse, Reduce, Repair, Regift, Recover* dan *Recycle*, masyarakat dapat dilatih menjadi pengguna yang bijak, sekali gus menyumbang kepada pengurangan sisa, pemeliharaan sumber semula jadi dan pengurangan pelepasan karbon.
12. Seiring dengan hasrat untuk menjadikan Seberang Perai sebuah bandaraya seiring dengan visi MBSP iaitu “*Seberang Perai Berdaya Huni, Mampan, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandar Pintar*”, saya menyeru agar semua pihak menekankan pendekatan holistik dalam pengurusan alam sekitar. Hanya dengan komitmen bersama, kita mampu mewujudkan sebuah bandaraya rendah karbon yang

berdayahuni, seterusnya mendukung visi Penang2030 dan aspirasi Malaysia MADANI.

13. Harapan saya, semoga program ini dapat meninggalkan kesan yang mendalam dalam diri setiap peserta dan seterusnya memupuk kesedaran bahawa memelihara alam sekitar adalah tanggungjawab bersama demi generasi masa depan.
14. Akhir kata, saya sekali lagi merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat, khususnya Yang Berhormat Puan Heng Lee Lee, Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga (N13 Berapit), wakil-wakil agensi kerajaan dan swasta, MPKK Kampung Berapit serta Komuniti MADANI Kampung Baru. Semoga usaha murni ini menjadi titik tolak ke arah pembentukan komuniti berilmu, berdaya saing serta bertanggungjawab terhadap kelestarian bumi yang kita cintai.

**Sekian, terima kasih.**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.***